

Perspektif Islam dan Sains Verterinar terhadap Pemandulan Kucing

Islamic and Veterinary Perspective Science on Cat Castration

MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM*, NUR ASMADAYANA HASIM &
LOQMAN MOHAMAD YUSOF¹

ABSTRACT

The welfare of pets, especially cats, has always been a hot issue in Malaysia. This issue resulted from various crimes and cruelty to pets. For that reason, the legal view on the castration of pets like cats is the main interest of this article. In this study, the discussion on the law's determination involved veterinary scientists so that the decision is in line with animals' nature. Cat sterilisation is a method often practiced by cat lovers. However, this practice has become a subject of debate among scholars, veterinary scientists, and the public. Thus, this study aimed to determine the law of cat sterilization from the Islamic and veterinary science perspectives on the methods and effects of this sterilization procedure. This study used qualitative methods, literature highlights, and content analysis. Results showed that the Four Madhabs scholars have agreed that the pet sterilisation, such as cats, is makruh (disapproved). The Maqasid al-Shariah's concept revealed that cat sterilization could provide various benefits to humans and pets.

Keywords: *Cat sterilization, castration, animal welfare, maslahat.*

Kehidupan manusia menjadi lengkap dengan adanya haiwan peliharaan seperti kucing yang menjadi peliharaan setiap isi rumah di Malaysia (Kashim et. al. 2020). Di dalam konteks Malaysia, satu kaji selidik pada tahun 2017 menunjukkan rakyat Malaysia adalah antara pemelihara kucing yang tertinggi di dunia, di mana 40% penduduknya memiliki sekurang-kurangnya seekor kucing (Lam 2017). Kucing peliharaan adalah termasuk dari spesies *Felis catus* (Saito et. al., 2019) dan direkodkan telah dibelajinak atau hidup bersama manusia sejak 5000 dahulu di zaman Mesir Purba, dengan pelbagai peranan ketika itu seperti teman isi rumah, haiwan pemburu, pengawal haiwan perosak, malah diberikan kedudukan istimewa serta dipuja sebagai dewi (Denny & Dickman 2010). Kucing juga turut mendapat perhatian utama dalam lipatan sejarah Islam dengan kisah-kisah Abd Rahman bin Sakhr al-Dhawi. Cintanya kepada haiwan berkenaan menyebabkan beliau digelar oleh Nabi sebagai Abu Hurairah yang bermaksud "Bapa Kucing" (al-Bash 1998).

¹ **Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim***, Ph. D. (Corresponding Author), Assoc. Prof. at Sharia Research Centre, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. & Fellow at Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: izhar@ukm.edu.my; **Nur Asmadayana Hasim**, M.A. Graduate Research Assistant at Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: asmadayanahasim@gmail.com; **Loqman Mohamad Yusof**, Ph. D. Senior Lecturer at Dept. of Companion Animal Medicine and Surgery, Faculty of Veterinary Medicine, Universiti Putra Malaysia (UPM), 43400 Serdang, Selangor, MALAYSIA. Email: loqman@upm.edu.my

Walau bagaimanapun, hari ini perubahan dilihat kepada status, peranan dan persekitaran haiwan ini yang berperanan sebagai sebahagian ahli isi rumah yang penting dan disayangi (Doré et al. 2019; Kashim et. al. 2020) hidup terbiar seperti gelandangan (Caffazo et. al. 2019). Kucing dikategorikan kepada tiga: kucing yang dibiakjinak (*domesticated*), kucing terbuang (*stray*) dan kucing yang dibiakjinak tetapi telah menjadi haiwan liar (*feral*) (Department Environment, Water, Heritage and Art, Canberra 2008; Hildreth et. al. 2010). Di kalangan haiwan yang dibiakjinak, ada yang tinggal sepanjang masa di dalam rumah pemiliknya dan ada yang dibiarkan bebas atau separa bebas. Populasi kucing adalah dianggarkan sebanyak 200-500 juta ekor seluruh dunia (Rochlitz 2007; IFAH Europe 2012). Lebih separuh daripadanya ialah kucing yang terbuang atau liar, tanpa pemilik (Hildreth, 2010). Isu yang timbul kebelakangan ini antaranya ialah konflik hubungan di antara haiwan ini dan manusia yang saling berkongsi ruang atau sumber kehidupan (Kashim et. al. 2020). Ini antara lain disebabkan oleh peningkatan populasi haiwan ini yang tidak terkawal sehingga memberi kesan negatif kepada pelbagai aspek kehidupan manusia dalam konteks individu dan masyarakat.

Konsep *Maqasid al-Shariah* diambil kira dalam menentukan hukum pemandulan kucing pada masa kini, di mana mempertimbangkan *masalah* dan *mafsadah* mengenai isu yang berkaitan (Kashim et. al. 2018). Penekanan terhadap konsep *Maqasid al-Shariah* terutamanya dalam pemeliharaan agama, nyawa, harta dan pemeliharaan akal mampu diaplikasikan dengan bukti kajian-kajian lepas mengenai kesan positif pemandulan kucing. Pendekatan ini dilihat sebagai alternatif penting kerana kemampuan kucing untuk melahirkan anak yang banyak sehingga menyebabkan kesan-kesan yang buruk jika tidak dikawal (Robinson & Cox 1970; Kennedy et. al. 2020). Pertambahan populasi kucing bukan sahaja menyebabkan haiwan peliharaan terbiar tanpa pengawasan tetapi situasi ini juga akan terdedah kepada persengketaan sesama komuniti dan akhirnya menyebabkan kepada penderaan terhadap haiwan tersebut (Anon 2012). Perkara ini sememangnya amat dilarang di dalam Islam. Ini dapat dilihat apabila kucing-kucing yang dibiarkan membiak tanpa penjagaan dan pemerhatian rapi telah menyebabkan wujudnya penyakit, kerosakan harta benda jiran tetangga dan sebagainya (Abd Aziz 2011).

Kaedah pemandulan haiwan peliharaan seperti kucing telah diperkenalkan sebagai salah-satu dari pelbagai kaedah terkini sejajar dengan peredaran teknologi moden untuk mengawal populasi kucing. Ia bertujuan bagi memastikan populasi haiwan tersebut terkawal, terutamanya kucing terbiar yang menimbulkan pelbagai masalah kepada masyarakat terutamanya penyakit berjangkit dan kerosakan harta benda (Awang 2017). Pemandulan ialah kaedah pembedahan elektif yang dijalankan ke atas kucing betina dan jantan untuk membuang sebahagian atau keseluruhan organ pembiakan haiwan (Hedlund 2002; Chalifoux et. al. 1981). Ia adalah kaedah kawalan kesuburan (*fertility control*) yang menghilangkan keupayaan kebolehbakaan haiwan tersebut secara kekal. Selain itu ia juga terbukti berkesan mencegah atau merawat penyakit berkaitan (Hedlund 2002; Kustritz 2012).

Hukum Pemandulan Kucing Peliharaan dari Perspektif Islam

Proses pemandulan dilakukan pertamanya, melalui pemandulan (*spaying*) kucing betina. Ia adalah proses pembedahan yang dilakukan untuk membuang organ pembiakan haiwan peliharaan betina secara keseluruhan iaitu ovari, uterus dan tiub falapio (*ovaryhysterectomy*); atau sebahagian sahaja iaitu ovari (*ovariectomy*) (Hedlund 2002; Chalifoux et. al. 1981; Gates et. al. 2020; DeTora & McCarthy 2011). Keduanya, pengkasian (*castration*) kucing jantan. Pengkasian atau pengembirian merujuk kepada istilah khusus kaedah pembedahan untuk membuang organ pembiakan haiwan peliharaan jantan iaitu testis (*orchietomy*).

Penentuan hukum pemandulan ini terbahagi kepada: (i) Memandulkan haiwan peliharaan yang halal dimakan dagingnya seperti lembu dan kerbau, dan; (ii) Memandulkan haiwan peliharaan

yang haram dimakan dagingnya seperti kucing dan seumpamanya. Mazhab Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali bersepakat mengharuskan perbuatan memandulkan haiwan ternakan yang boleh dimakan dagingnya seperti kambing, lembu, kerbau dan sebagainya (Ibn Hummam 1995; al-Nawawi 1996; al-Ramli, t.th.). Perkara ini dapat diamati menerusi hadith yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdillah, beliau berkata, yang bermaksud: “Nabi SAW pada hari korban menyembelih dua ekor kambing yang bertanduk, hitam putih bulunya, dan dikasi.” (Abu Daud t.th)

Berdasarkan hadis ini, ulama mazhab Syafie seperti al-Nawawi (1996) menjelaskan bahawa harus bagi seseorang memandulkan haiwan ternakan yang halal dimakan dengan syarat ia masih kecil bagi tujuan melazatkan dagingnya. Manakala memandulkan haiwan itu ketika usianya telah dewasa adalah haram kerana ia akan menzalimi haiwan tersebut. Begitu juga hukumnya apabila pemandulan dilakukan ke atas haiwan peliharaan yang tidak dimakan dagingnya ketika usianya telah dewasa. Ini adalah untuk memastikan haiwan-haiwan yang telah dewasa itu tidak dizalimi dan tidak mendatangkan kecelakaan yang memudaratkan (al-Khatib al-Sharbini 1993).

Al-Bujairimi (2007) daripada mazhab Syafie berpendapat, pemandulan haiwan adalah diharuskan dengan tiga syarat iaitu hendaklah binatang itu halal dimakan, proses memandulkan hendaklah dilakukan semasa binatang itu masih kecil dan hendaklah dilakukan (memandulkan) pada musim yang tidak terlalu panas atau terlalu sejuk suhunya. Jika proses pemandulan tidak dilakukan mengikut tiga syarat ini, maka hukum perbuatan tersebut adalah makruh.

Berhubung hukum pemandulan haiwan peliharaan yang haram dimakan dagingnya pula, para ulama berselisih pandangan dalam menentukan hukumnya. Menurut mazhab Shafie, memandulkan haiwan yang tidak boleh dimakan seperti kucing dan sebagainya adalah haram (al-Nawawi 1996). Hal ini dapat dibuktikan menerusi nukilan al-Nawawi (1996) dalam *al-Majmu' Sharh Muhazzab* yang bermaksud:

“Al-Baghawi dan al-Rafie berpendapat, haram memandulkan haiwan yang tidak dimakan, sama ada semasa ia kecil atau dewasa. Manakala memandulkan haiwan yang boleh dimakan ketika kecilnya sahaja adalah dibenarkan kerana ia berupaya memberi impak positif kepada dagingnya. Sudut pandangan kedua-dua ilmuan ini sebenarnya terangkum dalam keumuman firman Allah yang mengkhabarkan perihal hasutan syaitan untuk manusia mengubah segala ciptaan Allah termasuk haiwan. Ayat berkenaan bermaksud: “Aku akan menyuruh mereka untuk mengubah ciptaan Allah” (al-Nisa’, 4:119). Namun, dikecualikan daripada larangan mengubah ciptaan Allah pada haiwan ialah khitan haiwan dan membuat tanda pada tubuhnya dengan menggunakan besi panas. Selain keduanya itu, ia termasuk dalam perbuatan terkutuk dan terlarang.”

Di samping itu juga, Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat, memandulkan haiwan peliharaan seperti kucing adalah makruh. Jika tiada sebarang keperluan untuk berbuat demikian, maka adalah lebih baik perbuatan tersebut tidak dilakukan (Ibn Hummam 1995). Perbincangan ulama di atas menjelaskan jumbuh mereka bersepakat bahawa jika urusan pemandulan itu bertujuan untuk menzalimi haiwan-haiwan ternakan atau peliharaan, hukumnya adalah haram dan berdosa. Namun, hukum pemandulan haiwan yang halal dimakan untuk tujuan menyihatkan dan mengelokkan dagingnya adalah dibenarkan oleh Islam. Manakala hukum bagi pemandulan haiwan yang tidak boleh dimakan seperti kucing pula adalah makruh tanpa sebarang keperluan (Awang Abdul Aziz 2007).

Prinsip Islam dalam Penentuan Hukum Pemandulan Kucing Peliharaan

Kebanyakan ulama kontemporari membenarkan proses pemandulan haiwan peliharaan selagi ia dilakukan oleh doktor haiwan yang pakar. Antara kaedah fiqh yang menjadi sandaran pandangan ini ialah:

i. Tinggalkan Kemudaratan yang Lebih Besar Demi Kebaikan:

الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف (Kemudaratan yang lebih besar hendaklah dielakkan dengan melakukan kemudaratan yang lebih ringan). Al-Suyuti (2001) berpandangan, kaedah fiqh ini menegaskan supaya umat Islam tidak terburu-buru menentukan hukum selagi penilaian terperinci terhadap tahap kemudaratan sesuatu perkara. Kemudaratan yang besar perlu dielakkan terlebih dahulu walaupun terpaksa menanggung kemudaratan yang lebih kecil. Sebagai contoh, pembiakan haiwan peliharaan dalam kawasan kejiranan moden akan secara tidak langsung mendorong kepada penghinaan agama pemilik haiwan, perbalahan sesama komuniti, kerosakan harta benda dan kerugian terhadap semua pihak. Semua ini adalah satu kemudaratan yang besar kepada agama dan umat Islam. Justeru, aplikasi kaedah di atas terhadap keharusan pemandulan haiwan peliharaan dapat dikenal pasti dari sudut kesan sekiranya haiwan berkenaan tidak dimandulkan. Selain tu, ketidak kawalan pembiakan haiwan peliharaan ini juga akan menyebabkan tersebarnya penyakit, sikap agresif dan lambakan kencing merata-rata tanpa kawalan (Kashim et. al. 2020). Haiwan peliharaan yang tidak dimandulkan akan melahirkan anak dalam jumlah yang banyak sehingga masyarakat tidak mampu mengawalinya dan ini pastinya satu kemudaratan besar (Kashim et. al. 2020).

Berdasarkan kepada kaedah di atas, para ulama seperti Ibn Sholah (t. th.) berpandangan, amat wajar memandulkan haiwan peliharaan kerana ia termasuk dalam hukum menanggung kemudaratan yang ringan. Membiarkan haiwan peliharaan tanpa pemandulan yang sempurna akan mendorong kepada kemudaratan yang lebih berat iaitu pembunuhan haiwan tanpa tuan oleh pihak berkuasa selain ia juga akan menyebabkan perbalahan antara komuniti. Menurut Muhammad ibn Sholeh al-Uthaymeen (t. th.) yang merupakan anggota Majlis Ulama Arab Saudi dalam bukunya *Fatawa Islamiyyah* yang pernah ditanya mengenai kucing-kucing yang banyak dihantar ke SPCA sebelum dibunuh kerana tiada tuan, beliau menjawab, “Pemandulan haiwan adalah dibenarkan sekiranya perbuatan tersebut tidak memudaratkan haiwan dan ia dilakukan oleh pakar. Pemandulan haiwan adalah lebih baik daripada membunuhnya”.

Ali Muhd Yusof (2005) pula menegaskan, para ulama kontemporari telah menetapkan dua syarat yang begitu ketat untuk membenarkan proses memandulkan haiwan peliharaan: Pertama, pemandulan haiwan tersebut mestilah menepati *masalah* yang menyumbang kepada perbuatan terbabat (al-Zuhaily 2007). Kedua, proses memandulkan tidak boleh mendatangkan kemudaratan kepada haiwan yang telah dimandulkan. Ini bermaksud proses pemandulan haiwan peliharaan hendaklah dilakukan dengan kaedah yang betul. Sekiranya proses tersebut tidak dijalankan mengikut prosedur yang betul, maka hukumnya adalah haram.

ii. Setiap Perbuatan Pemandulan Berasaskan Niat

الأمر بمقاصدها (Setiap tindakan pancaindera kembali kepada niat seseorang) (al-Suyuti 2001). Kaedah ini membawa maksud setiap tindakan dan perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan bergantung kepada niatnya (Ahmad Tarmidzi et. al. 2019). Rasulullah amat mengambil berat soal berkaitan niat atau matlamat dalam perbuatan seseorang. Rasulullah bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya setiap amalan itu diambil kira berdasarkan niat, dan sesungguhnya bagi setiap orang apa yang diniatkannya. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan Rasulnya, maka hijrahnya adalah kerana Allah dan Rasulnya. Dan sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang ingin diperolehinya, atau berhijrah kerana wanita yang ingin dikahwininya, maka hijrah itu adalah berdasarkan apa yang ia hijrahkan.” (Sahih al-Bukhari. t.th. Kitab al-Iman, Bab Ma ja’ Inna al-A’mal bi al-Niyyat wa al-Hisbah, No. 1)

Berdasarkan kaedah ini, keharusan pemandulan haiwan peliharaan perlu bergantung kepada niat pemiliknya. Antara niat yang dibenarkan ialah untuk menjaga kelestarian alam sekitar sesebuah

negara seperti yang dikehendaki oleh kerajaan. Ini bermakna, perbuatan memandulkan haiwan dengan niat untuk menghilangkan *mafsadah* adalah dibenarkan dan tidak berdosa (Mardhiya 1999).

iii. Setiap Kesukaran Perlu Dipermudahkan

المشقة تجلب التيسير (Setiap kesukaran perlu dipermudahkan selagi tidak bercanggah dengan syariat) (al-Suyuti 2001). Ini bermaksud, isu-isu kontemporari yang kelihatan membawa kepada kesukaran terhadap hidup manusia, maka Islam telah meringankan hukum isu tersebut dengan sesuatu tindakan di bawah kemampuan *mukallaf* tanpa menyusahkan (Mohd Usman 2015). Justeru, apabila kucing beranak-pinak dalam jumlah yang banyak sehingga menyebabkan kepada perbalahan, kesukaran dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat, maka kesempitan itu telah dipermudahkan oleh Islam dengan terhasilnya fatwa yang membenarkan pemandulan kucing bagi memastikan tidak berlakunya kemudaratan lebih besar (Zanowski et. al. 2012). Mufti Wilayah Persekutuan telah mencadangkan supaya kucing-kucing yang tidak bertuan dibebaskan atau diserahkan kepada mereka yang ingin memelihara haiwan terbabit. Pandangan ini lebih harmoni kerana ia selamat daripada khilaf (Muhammad Mushfique 2016).

Konsep *Maqasid al- Syariah* dalam Pemandulan Kucing Peliharaan

Para ulama fiqh telah menjelaskan *maslahah* dengan pelbagai maksud antaranya konsep mendapatkan manfaat atau menolak segala kemudaratan (*mafsadah*). *Maslahat* menerusi dua cara, iaitu (i) Secara *haqiqi* yang memberi erti keseronokan dan kelazatan. (ii) Secara *majazi* yang bermakna asbab yang boleh membawa kepada keseronokan dan kelazatan (Ibn Abd al-Salam 2000). Menerusi prinsip *maslahah* para ulama bersetuju menyandarkan hukum keharusan pemandulan haiwan peliharaan kerana ia juga menepati kehendak syarak bagi menjaga *maslahat* kehidupan manusia atas muka bumi ini. *Maslahah* tersebut pula semestinya meliputi lima perkara terpenting yang perlu dipelihara iaitu pemeliharaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Shatibi 1997). Manakala *mafsadah* pula adalah suatu konsep yang bertentangan dengan *maslahah*. Ia diertikan sebagai perkara yang tidak dikehendaki oleh syarak bagi manusia kerana perbuatan terbabit akan menghalang daripada pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Ibn Ashur 2007).

Atas dasar itu, Islam sangat memelihara *maslahat* umatnya dalam semua aspek kehidupan termasuklah berhubung isu haiwan (Kashim et. al. 2021). Pemandulan haiwan peliharaan tidak langsung mencanggahi prinsip *Maqasid Shari'ah* dalam memelihara keharmonian kehidupan manusia (al-Buti 2001). Ini kerana pengkasian haiwan atas sebab yang munasabah itu mampu mencegah segala jenis *mafsadah* dan kemudaratan kepada manusia serta haiwan (al-Dahlawi t.th). Namun begitu, tidak dinafikan bahawa setiap *maslahah* yang hendak disandarkan kepada hukum pemandulan haiwan mestilah menepati syarat-syarat sebagaimana telah ditetapkan oleh Islam agar tidak disalahguna pada perkara maksiat. Bagi menjelaskan lagi isu penentuan hukum ini, konsep *Maqasid al-Shariah* yang dimaksudkan itu dapat dilihat melalui Jadual 1, iaitu kesan positif memandulkan kucing peliharaan.

Jadual 1: Kesan Positif Memandulkan Kucing Peliharaan serta Aplikasi Konsep *Maqasid Al-Shariah*

No	Perkara	Penerangan	Konsep <i>Maqasid al-Shariah</i>
1.	Haiwan peliharaan lebih manja.	Kesan kepada kucing: Kucing dimandulkan kurang agresif dan keinginan untuk mengawan dapat dihilangkan (Kustritz 2012). Kesan kepada masyarakat: Kesan yang baik kepada kesihatan psikologi dan secara tidak langsung kepada fisiologi pemiliknya melalui belaian haiwan peliharaan (Blouin 2012). Juga membantu mengurangkan kebimbangan dan kemurungan (Barker et. al. 2003).	Pemeliharaan akal/ mental: Kepada manusia sifat kucing yang lebih jinak dan manja mampu membantu kesihatan mental melalui belaian kucing (al-Buti 2001).
2.	Risiko penyebaran penyakit berkurangan.	Kesan kepada kucing: Kucing betina terdedah dengan kanser ovari dan payudara, jangkitan penyakit kelamin jika pemandulan tidak dilakukan (Yusof 1997; Mohd Arip 2014). Kucing dimandulkan juga mempunyai jangka hayat yang lebih panjang (Kustritz 2012). Kesan kepada masyarakat: Pergaduhan mengakibatkan kecederaan pada kucing menyebabkan jangkitan kuman termasuk penyakit zoonosis yang boleh menjangkiti manusia (Spain et. al. 2004; Kustritz 2012).	Pemeliharaan nyawa: Fakta saintifik membuktikan kesan positif dari sudut kesihatan kucing dan manusia (al-Buti 2001).
3.	Kebajikan haiwan terpelihara.	Kesan kepada kucing: Pemandulan mampu mengelak kucing terbiar daripada kualiti hidup yang buruk termasuk anak-anak yang baru dilahirkan (Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia 2010). Kesan kepada masyarakat: Mutu penjagaan dan pengurusan kucing oleh pemilik lebih terjaga kerana haiwan menjadi lebih jinak dan tidak bergaduh sesama mereka (Griffin 2012; Bowen 2014; Caffazo et. al. 2019).	Pemeliharaan agama: Pemilik kucing yang menjaga kebajikan haiwan tersebut mampu menyebabkan pandangan positif orang bukan Islam terhadap orang. Ia sekali gus menjauhkan manusia daripada sifat penderaan dan penganiyaan haiwan yang dilarang Islam (al-Buti 2001).
4.	Kebersihan terjaga.	Kesan kepada kucing: Mengurangkan tabiat kucing jantan yang kencing dan memancut merata-rata khususnya di dalam rumah (Bowen 2014; Cafazzo et al., 2019). Kesan kepada masyarakat: Aspek kebersihan dan kesihatan terutama kepada penghidap penyakit alahan di kalangan ahli isi rumah dapat ditingkatkan (Ownby & Johnson 2016; Zahradnik & Raulf 2014).	Pemeliharaan harta: Kucing yang dimandulkan akan mengurangkan tabiat merosakkan harta benda manusia (al-Buti 2001).
5.	Kerukunan tetangga.	Kesan kepada kucing: Perilaku pergaduhan kerana merebut kawasan atau pasangan untuk mengawan dapat dikurangkan. Malah bunyi suara bising untuk mengawan juga dapat dielakkan (Caffazo et. al. 2019) Kesan kepada masyarakat: Kucing yang mandul lebih jinak dan tidak menimbulkan ketidakselesaan antara jiran tetangga dan tidak mengganggu ketenteraman penduduk (Wan Ahmad Kusairy 2012).	Pemeliharaan agama: Kucing yang dimandulkan mampu memberi ketenteraman dalam kehidupan manusia. Menjaga ketenteraman di dalam kawasan kejiranan merupakan tuntutan agama Islam. Sebagai Muslim yang baik, jiran mestilah dihormati (al-Buti 2001).

Walau bagaimanapun di sebalik kebaikan yang dinyatakan di atas, terdapat kesan negatif (*mafsadah*) yang mungkin berlaku secara langsung atau tidak susulan pemandulan haiwan peliharaan. (i) Risiko pasca pembedahan dan pembiusan seperti komplikasi jangkitan kuman, pendarahan dan lain-lain yang berkaitan dengan proses pembedahan (Kustritz 2012). Ini adalah risiko umum sebarang rawatan pembedahan yang walaupun jarang berlaku tetapi perlu diambil kira (Kustritz 2007). Ia boleh dielakkan atau diminimakan jika aktiviti pembedahan ini dikendalikan oleh mereka yang terlatih (seperti doktor veterinar). (ii) Kegemukan dan penyakit-penyakit berkaitan susulan daripada itu (Rand & Martin 2004; German 2006; McKenzie 2010; Allaway et. al. 2016). Pemandulan dikenalpasti salah-satu faktor risiko kegemukan yang antara lain disebabkan haiwan menjadi lebih pasif dan kurang mahu bergerak bebas serta perubahan keperluan tenaga saraan (*maintenance energy requirement*) susulan dari pemandulan haiwan tersebut (Mitsuhashi et. al. 2011). Ini dapat diatasi sekiranya pemilik kucing mengubahsuai diet haiwan peliharaan mereka berdasarkan keperluan tenaga harian yang telah berubah serta menetapkan aktiviti fizikal berkala bagi kucing peliharaan yang dikurung (German 2006).

Selain itu, pemandulan juga dikenal pasti sebagai salah-satu faktor risiko penyakit saluran kencing seperti *Feline Lower Urinary Tract Disease (FLUTD)* (Borges et. al. 2017; Piyarungsri et. al. 2020) dan beberapa penyakit lain (McKenzie 2010) bagi kucing jantan dan betina. Walau bagaimanapun, jika diteliti kesan negatif ini tidak semuanya dipengaruhi oleh proses pemandulan haiwan seperti yang dibincangkan, tetapi ia bergantung juga kepada permasalahan kesihatan atau faktor lain sehingga menyebabkan kemudaratan terhadap haiwan.

Kesimpulannya, dari perspektif Islam kaedah pemandulan adalah makruh jika dilakukan dengan beretika dan tidak berniat menzalimi haiwan. Selain itu, melalui konsep *Maqasid al-Shari'ah*, terdapat pelbagai kebaikan diperoleh melalui pemandulan kucing, antaranya, mencegah pelbagai penyakit berjangkit yang boleh memudaratkan kucing dan manusia. Walaupun terdapat risiko-risiko daripada proses pemandulan kucing ini, usaha dan pemantauan dalam mencegah dan mengelak risiko dan kemudaratan terhadap kucing dapat diatasi. Pemandulan kucing ini juga merupakan satu langkah mendekati masyarakat dengan kucing dan memupuk rasa kasih sayang terhadap haiwan.

Penghargaan

Pengarang melalui projek penyelidikan FRGS/1/2019/SSI03/UKM/02/1 merakamkan penghargaan kepada pembiaya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi dana penyelidikan RH-2020-009.

References

Al-Quran.

Abd Aziz, J. 2011. *Penyakit Rabies: Protokol Veterinar Malaysia*. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. 1(17): 26.

Abu Daud, Sulayman ibn al-Ash'ath. t.th. *Sunan Abi Daud*. Damascus: Dar Ibn Kathir

Ahmad Tarmidzi, N.A., Wan Ismail, W.A.F., Mohamed Ramli, N., Halib, N. & Abdul Ghaffar, N.A. 2019. Islamic legal maxims analysis on orthognathic surgery. *International Journal of Islamic Thought*. 15(6): 107-115

Ali Muhd Yusof al-Mahad'i. 2005. *Buhus fiqhiiyah fi Masail Tabi'yah Mua'sirah*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyah.

Al-Bash, Abdul Rahman Uft. 1998. *Shuar min hayat al-Sahabah*. Beirut: Dar al-Nafais.

Allaway, D., Gilham, M.S., Colyer, A., Joñsson, T.J., Swanson, & K.S., Morris, P.J. 2016. Metabolic profiling reveals pfects of age, sexual development and neutering in plasma of young male cats. *PLoS One*, 11(12), e0168144. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0168144>

- Awang Abdul Aziz. 2007. Rawatan dan Kesihatan. *Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negera Brunei Darussalam Berkaitan Amalan, Rawatan dan Kesihatan*. Jabatan Mufti Negara Brunei Darussalam.
- Awang, S.F. 2017. *Dalami Ilmu Pemandulan Kucing*. Jabatan Perkhidmatan Vaterinar. 16 November 2019.
- Anon. 2012. Utusan Malaysia. *Penjaja wanita telah mendera tiga ekor kucing*. Malaysia: Bangsar.
- Al-Bujairimi, Sulaiman ibn Muhammad. 2007. *Hashiyyah alBujayrimi 'ala al-Khatib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad B. Ismail B. Ibrahim B. al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id al-Ramadan. 2001. *Dawabit al-Maslahah fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassassat al-Risalah.
- Al-Khatib al-Sharbini, Muhammad ibn Ahmad. 1993. *Kitab Iqna'*. Jld: 2. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Barker, S., Anand, K., Best, AlM. 2003 Effects of animal-assisted therapy on patients' anxiety, fear, and depression before ECT. *Journal of ECT*. 19(1): 38-44. DOI: 10.1097/00124509-200303000-00008.
- Bowen, R. 2014. *Effects of gonadectomy on health, behavior and performance of pets*. <http://www.vivo.colostate.edu/hbooks/pathphys/reprod-/petpop/proscons.html>. Retrieved: 18 December 2020.
- Borges, N.C., Pereira-Sampaio, M.A., Pereira, V.A., Abidu-Figueiredo, M., Chagas, M.A. 2017. Effects of castration on penile extracellular matrix morphology in domestic cats. *Journal of Feline Medicine Surgery*. 19(12):1261-1266. <https://doi.org/10.1177/1098612X16689405>
- Blouin, DD. 2012. understanding relations between people and their pets. *Sociology Compass*. 6(11): 856-869, DOI:10.1111/j.1751-9020.2012.00494.x
- Cafazzo, S., Bonanni, R., Natoli, E. 2019. Neutering Effects on Social Behaviour of Urban Unowned Free-Roaming Domestic Cats. *Animals*. 9(12). Article No. 1105. DOI: 10.3390/ani9121105
- Chalifoux, A., Niemi, G., Fanjoy, P. & Pukay, B. 1981. Early spay-neutering of dogs and cats. *The Canadian Veterinary Journal*. 22(12):381.
- al-Dahlawi, Ahmad ibn 'Abd al-Rahim. t.th.. *Hujjat Allah al-Balighah*. Bayrut: Muassassat al-Risalah.
- Denny, E.A., & Dickman, C.R. 2010. Review of cat ecology and management strategies in Australia (A report for the Invasive Animals Cooperative Research Centre). <https://www.pestsmart.org.au/wp-content/uploads/2010/03/CatReport-web.pdf>. Retrieved: 19 Dec. 2020.
- Department of the Environment, Water, Heritage and the Arts (DEWHA). 2008. Background document for the threat abatement plan for predation by feral cats, DEWHA, Canberra. <https://www.environment.gov.au/biodiversity/threatened/publications/tap/threat-abatement-plan-feral-cats>. Retrieved: 20 December 2020.
- DeTora, M. & McCarthy, R.J. 2011. Ovariohysterectomy versus ovariectomy for elective sterilization of female dogs and cats: is removal of the uterus necessary? *JAVMA*. 239(11): 1409-1412.
- Doré, A., Michalon, J. & Monteiro, T.L. 2019. The place and effect of animals in families. *Enfances Familles Générations (EFG)*,32. <http://journals.openedition.org/efg/8073>. Retrieved: 15 March 2021.
- Gates, MC., Littlewood, KE., Kongara, K., Odom, TF., Sawicki, RK. 2020 Cross-sectional survey of surgical techniques used to perform dog and cat spays in New Zealand veterinary practice. *New Zealand Veterinary Journal*. 68(1): 46-53. DOI: 10.1080/00480169.2019.1665594
- German, A.J. 2006. The growing problem of obesity in dogs and cats. *Journal of Nutrition*. 136(7 Suppl):1940S-1946S. <https://doi.org/10.1093/jn/136.7.1940S>
- Griffin, B. 2012. Population wellness keeping cats physically and behaviorally healthy. In Little, S.E. (Ed.). *The Cat*. 1312-1356. <https://doi.org/10.1016/B978-1-4377-0660-4.00046-6>

- Hildreth, A.M., Vantassel, A.M. & Hygnstrom, S.E. 2010. Feral cats and their management. The University of Nebraska-Lincoln Extension. <http://extensionpublications.unl.edu/assets/pdf/ec1781.pdf>. Retrieved: 1 January 2021.
- Hedlund, C.S. 2002. Surgery of the Reproductive and Genital Systems. In Fossum, T.W. (Ed.), *Small Animal Surgery* (3rd ed., pp. 702-747). Missouri: Mosby Inc.
- IFAH Europe 2012. About Pets. <https://web.archive.org/web/20141006074439/http://www.ifaheurope.org/companion-animals/about-pets.html>. Retrieved: 31 May 2020
- Ibn Abd al-Salam, Abu Muhammad, A.A.A. 2000. *al-Qawa'id al-Kubra, al-Mausu'ah bi Qawa'id al-Ahkam fi Islah al-Anam*. Jil. 1. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir. 2001. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Fajar Ulung Sdn. Bhd.
- Ibn Hummam, Muhammad Kamaludin al-Syirazi. 1995. *Sharh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Sholah, Utman ibn Abdul Rahman. t.th. *Fatawa Masail Ibn Sholah fi Fiqh al-Shafie*. Qaherah: Dar al-Hadist.
- Kashim, M.I.A.M., Hasim, N.A., Othaman, R., Khalid, R., Samsudin, M.A., Yahaya, M.Z., Abdul Manaf, Z., Amin, L. & Mat Zin, D.M. 2018. Najis (Tinja) manusia daripada perspektif sains dan Islam serta amalan pemakanan sunnah. *Sains Malaysiana* 47(6): 1227-1234
- Kashim, M.I.A.M., Mohd Noor, A.Y., Abdul Rahman, Z., Radzi, R., Hamjah, S.H., Hasim, N.A., Mohamad, M.N. & Mokhtar, M.H. 2020. The rules of sterilization of domestic cats from a Shariah and scientific perspective. *Journal of Critical Reviews*, 7(6): 1025-1031
- Kashim, M.I.A.M., Hasim, N.A., Mat Zin, D.M. et al. (2021). Animal cloning and consumption of its by-products: A scientific and Islamic perspectives. *Saudi J Biol Sci*. 28(5): 2995-3000
- Kass, P.H. 2007. Cat overpopulation in the United States. In Rochlitz, I. (Ed.). *The Welfare of Cats*. 3: 119-138. Dordrecht: Springer.
- Kennedy, B.P.A., Cumming, B. & Brown, W.Y. 2020. Global strategies for population management of domestic cats (*Felis catus*): A systematic review to inform best practice management for remote indigenous communities in Australia. *Animals*. 10: 663. <https://doi.org/10.3390/ani10040663>
- Al-Khatib al-Sharbini, Muhammad ibn Ahmad. 1993. *Kitab Iqna'*. Jld. 2. Beirut: Muassasat al-Risalah. Jld: 2
- Kustriz, M.V.R. 2007. Determining the optimal age for gonadectomy of dogs and cats. *JAVMA*. 231(11): 1665-1675. <http://doi.org/10.2460/javma.231.11.1665>
- Kustritz, M.V.R. 2012. Effects of surgical sterilization on canine and feline health and on society. *Reprod Dom Anim* 47 (Suppl. 4). <https://doi.org/10.1111/j.1439-0531.2012.02078.x>
- Lam, A. 2017. *Russians are the world's biggest cat lovers*. <https://daliaresearch.com/blog/russians-are-the-worlds-biggest-cat-lovers/>. Retrieved: 16 May 2020.
- Mardhiya, M. 1999. *Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Syafi'e*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- McKenzie, B. 2010. Evaluating the benefits and risks of neutering dogs and cats. *CAB Reviews Perspectives in Agriculture, Veterinary Science, Nutrition and Natural Resources*. 5 (045). <https://doi.org/10.1079/PAVSNNR20105045>
- Mitsuhashi, Y., Chamberlin, A.J., Bigley, K.E. & Bauer, J.E. 2011. Maintenance energy requirement determination of cats after spaying. *British Journal of Nutrition*. 106: S135-S138. <https://doi.org/10.1017/S0007114511001899>
- Mohd Arip, E. W. 2014. Assessment and outcome of open fracture treatments (clinico-radiological evaluation, bacteriological findings and gait analysis) in dogs and cats presented to UVH-UPM.

- Master of Veterinary Medicine's thesis, Faculty of Veterinary Medicine, Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad ibn Sholeh al-Uthaymeen. 2000. *Fatawa wa Arkan al-Islamiyyah*. Saudi Arabia: Muassasat al-Uthaymeen al-Khiyriyyah.
- Mohd Usman, S. 2015. *Al-Qawa'id al-Kuliyyah wa al-Dhawabit al-Fiqhiyyah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Nifais.
- Muhammad Mushfique, A.A. 2016. *Al-Kafi #313: Hukum Memandulkan Kucing*. Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1180-al-kafi-313-hukum-memandulkan-kucing>. Retrieved: 26 Jun 2021.
- al-Nawawi, abi Zakariyya Mahya al-Din. 1996. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Fikri.
- Ownby, D. & Johnson, C. C. 2016. Recent understandings of pet allergies. *F1000Res*. 5, F1000 Faculty Rev-108. <http://doi: 10.12688/f1000research.7044.1>
- Piyarungsri, K., Tangtrongsup, S., Thitaram, N., Lekkla, P. & Kittinuntasilp, A. 2020. Prevalence and risk factors of feline lower urinary tract disease in Chiang Mai, Thailand. *Scientific Reports*. 10:196. <https://doi.org/10.1038/s41598-019-56968-w>
- Rand, J.S. & Martin, G. 2004. Feline obesity: causes, consequences and management. *World Small Animal Veterinary Association World Congress Proceeding*. <https://www.vin.com/apputil/content/defaultadv1.aspx?meta=&pId=11181&id=3852204> Retrieved: 22 December 2020.
- Robinson, R. & Cox, H.W. 1970. Reproductive performance in a cat colony over a 10-year period. *Laboratory Animals*. 4: 99-112.
- Rochlitz, I. 2007. *The Welfare of Cats*. (Vol. 3). Dordrecht: Springer.
- Al-Ramli, Muhammad Ibn Abi al-Abbas Ahmad Ibn Hamzah Ibn Shihab al-Din. 1987. *Nihayat al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj fi al-Fiqh ala Madhhab al-Imam Al-Shafi'e*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Saito, A., Shinozuka, K., Ito, Y. & Hasegawa, T. 2019. Domestic cats (*Felis catus*) discriminate their names from other words. *Scientific Reports*. 9:5394. <https://doi.org/10.1038/s41598-019-40616-4>
- Al-Shatibi, Ibrahim Ibn Musa. 1997. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Spain, C.V., Scarlett, J.M., & Houpt, K.A. 2004. Long-term risks and benefits of early age gonadectomy in cats. *JAVMA*. 224 (3): 372-379. <https://doi.org/10.2460/javma.2004.224.372>
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman Ibn Abi Bakr. 2001. *Al-Ashbah Wa al-Nazar'ir fi Mazhab al-Shafi'i*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Wan Ahmad Kusairy. 2012. R & R Haiwan peliharaan. *Utusan Malaysia*. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/21721/1/scan0082.pdf>. Retrieved: 17 November 2019
- Yusof M.L. 1997. A review of small animal orthopaedic surgery performed in the University Veterinary Hospital UPM over 3 years (1994-1996). Master of Veterinary Medicine's thesis, Faculty of Veterinary Medicine, Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Zahradnik, E. & Raulf, M. 2014. Animal allergens and their presence in the environment. *Front Immunol*. 5: 76. <http://doi: 10.3389/fimmu.2014.00076>
- Zanowski & Gemma N. Esq. 2012. A fresh look at spay/neuter legislation. *Journal of Public Health Management and Practice*. 18(3): 24-33.
- Al-Zuhaily, W. 2007. *Mausu'ah al-fiqhiyyah al-Islami al-Mua'sirah*. Damshiq: Dar al-Maktabi.